



Sokong TNB pilihan pelaburan selamat

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	181,938	Circulation	90,969
PR Value	54,581	Page	22

Page Location



Pendapatan kukuh sokong TNB pilihan pelaburan selamat

Tenaga Nasional Bhd (TNB) dianggap sebagai pilihan pelaburan selamat berikutan daya tahan pendapatannya serta penilaian yang sederhana di sebalik ketidaktentuan pasaran semasa, menurut Maybank Investment Bank Bhd (Maybank IB).

Dalam nota penyelidikan, Maybank IB menyatakan pendapatan jangka sederhana TNB disokong oleh pulangan tetap ke atas aset terkawal domestik yang semakin berkembang, meskipun terdapat potensi risiko daripada perbelanjaan modal (capex) luar jangka dan sumbangan segmen penjanaannya.

"TNB memiliki asas pendapatan terkawal yang kukuh, melebihi 70 peratus daripada keseluruhan pendapatan, serta daya tahan yang tinggi. Selain itu, tarif asas dalam Tempoh Kawal Selia 4 (RP4) sudah mengambil kira perbelanjaan modal asas selama tiga tahun berjumlah RM26.6 bilion, meningkat 29 peratus berbanding RP3, dengan pulangan terkawal pada kadar 7.3 peratus," kataanya.

Bagaimanapun, capex luar jangka sebanyak RM16.3 bilion - juga dengan pulangan 7.3 peratus - tidak dimasukkan dalam tarif asas dan unjuran semasa dengan mekanisme pemulihannya masih belum dimuktamadkan.

"Mengikut anggaran kami, sekiranya capex luar jangka digunakan sepenuhnya, keuntungan bersih bagi tahun kewangan 2027 boleh meningkat sekitar lapan peratus," jelas Maybank IB.

Sementara itu, sumbangan segmen penjanaan kepada pendapatan disatukan TNB dijangka tidak ketara dalam masa terdekat kerana keuntungan syarikat penjanaan (GenCo) masih terkenan oleh margin bahan api.

"Kami menjangkakan pemuliharan sumbangan dari segmen ini dalam beberapa tahun akan datang, khususnya dengan Majung 4 kembali beroperasi selepas dihentikan sementara pada 2024."

"Penurunan harga arang batu ketika ini, bersama penyeriarasan semula harga rujukan arang batu dalam RP4, dijangka mengurangkan surcaj Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT). Ini seterusnya akan mengurangkan tekanan terhadap perubahan bil elektrik pengguna apabila jadual tarif baharu dikuatkuasakan pada separuh kedua 2025," tambahnya.

Selubungan itu, Maybank IB mengekalkan saranan 'Kekal' (Hold) terhadap TNB dengan harga sasaran berasaskan aliran tunai diskau tidak berubah pada RM14.50. BERNAMA